



PELUKIS Wajah Nahle (kanan sekali) menerangkan sesuatu tentang karyanya kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya Datun Seri Dr. Siti

Hasmah selepas upacara perasmian di Muzium Negara, Kuala Lumpur, petang semalam.

# Mahathir: Swasta mesti sokong seni tempatan

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri .....  
No. Penerimaan .....

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa badan-badan swasta menyokong seni tempatan supaya lebih pesat kesuburannya seimbang dengan kemajuan dalam negara yang sedang membangun.

Berucap merasmikan pameran khat Islam oleh pelukis Wajah Nahle dari Lubnan di Muzium Negara, di sini hari ini, beliau menegaskan adalah menjadi tanggungjawab mereka yang mampu memberi pendokongan yang sewajarnya terhadap seni negara.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, seni sebagai satu bentuk yang melahirkan perasaan halus individu dan kumpulan masyarakat adalah satu elemen yang penting dalam sesebuah kebudayaan, di mana perasaan itu disalurkan melalui penyertaan ikhlas tanpa sebarang sekatan.

## Peranan

"Seni menggambarkan jiwa manusia yang bebas. Lukisan-lukisan khat seperti pelukis ini memberi kesempatan kepada peminat-peminat seni di negara ini untuk menikmati bentuk seni rupa se zaman yang berdasarkan seni khat yang indah," tambahnya.

Seni katanya adalah satu elemen yang penting dalam kebudayaan yang berteraskan Islam, termasuk kebudayaan Melayu.

Seni khat pula, ialah satu bentuk seni yang teragung dan disanjung tinggi oleh umat Islam kerana peranannya tidak dapat diasingkan dari Al-Quran yang mulia.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, melalui lu-

kisan-lukisan Wajah Nahle ini, rakyat Malaysia dapat mengetahui tentang keadaan di Lubnan.

"Kita dapat menyaksikan keadaan dalam peperangan di mana terjadi keadaan yang dahsyat melalui lukisan beliau di samping jiwa indah yang wujud seperti yang digambarkan," tambahnya.

Pengarah Yayasan Syed Kechik, Datuk Syed Kechik Syed Mohamed yang juga menganjurkan pameran itu, berkata, pameran ini mempunyai makna dalam beberapa aspek dan lapisan, untuk mengamatinya.